

Analisis Kosmo!

Teguhkan perpaduan rakyat Malaysia

MESKIPUN Malaysia masih belum mencapai perpaduan dalam erti kata yang sebenar, itu bukan bermakna negara langsung tidak mempunyai cerita yang baik tentang bagaimana rakyat Malaysia yang majmuk dapat hidup secara aman dan makmur. Sekurang-kurangnya kita telah mencapai kesepaduan sosial.

Merujuk buku kecil bertajuk *Perpaduan, Kesepaduan dan Penyatupaduan* oleh Prof. Ulung, Datuk Dr. Shamsul Amri Baharuddin dan Anis Yusal Yusoff terbitan Institut Kajian Etnik Malaysia (Kita), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), kesepaduan sosial bermak-sud keadaan aman, stabil, makmur serta sejahtera khususnya yang berbilang etnik kerana wujudnya kesepakatan sosial yang kuat.

Menurut buku itu lagi, kesepaduan sosial dapat dilihat melalui hubungan kerjasama antara etnik dan kelompok, berkongsi aktiviti budaya serta saling meminjam unsur budaya masing-masing lebih dari pada 60 tahun, menikmati pembangunan ekonomi dan kualiti hidup dari tahap sederhana ke tahap tinggi yang terbina teguh sejak dekad 70-an lagi.

Meskipun pernah berlaku insiden kekecohan yang mengheret kepada sentimen perkauman dan agama sebelum ini kita tidak lelah untuk berunding dan bertolak ansur dengan semangat akomodasi. Kita sedaya upaya mencari jalan keluar tanpa mengakibatkan pertumpahan darah dan konflik berpanjangan.

Insiden kekecohan di Kuil Sri Maha Mariamman, USJ 25, Putra Heights, Subang Jaya, Selangor baru-baru ini menguji pengalaman kesepaduan sosial kita. Meskipun keadaan terkawal, kita sangat kecewa kerana ada dalang di sebalik kekecohan tersebut. Mereka perlu dikenakan tindakan yang tegas kerana sikap tidak bertanggungjawab mereka boleh mengheret negara ke kancan konflik.

Pada masa yang sama, keadaan semakin parah apabila insiden ini menjadi tular kerana terdapat segelintir netizen memberi komen yang berbaur perkauman dan agama yang sangat berbahaya kepada proses perpaduan di negara kita. Ini termasuk berkongsi berita yang masih belum pasti kesahihan-nya dalam media sosial yang dapat menyemarakkan lagi sentimen dan emosi masyarakat Malaysia.

Bagaimanapun, insiden kekeco-



Di Sebalik Isu Panas

Bersama
PROF. MADYA
DR. MOHD IZANI
MOHD. ZAIN

han itu tidak sewajarnya menjadi pengukur kepada kesepaduan sosial di negara. Jika diimbang kembali, kita mempunyai banyak momen atau detik perpaduan yang kita nikmati secara bersama. Momen ini kita boleh dilihat dalam acara sukan, hiburan dan aktiviti sosial yang melibatkan masyarakat pelbagai etnik.

Baru-baru ini, saya mendengar luahan gembira seorang sahabat berketurunan Melayu kerana menurut beliau, masyarakat bukan Melayu telah kembali menyokong filem Melayu tempatan. Cerita beliau, mereka (bukan Melayu) sanggup membayar tiket dan masuk ke panggung wayang menonton filem Melayu. Perkembangan ini

dikatakan menyumbang kepada kutipan filem Melayu yang sangat luar biasa sehingga mencecah puluhan juta ringgit.

Satu kutipan yang tidak pernah dijangka oleh kita sebelum ini.

Dalam acara sukan, sudah terang lagi bersuluh. Rakyat Malaysia tanpa mengira latar belakang agama dan etnik bersatu menyokong atlet negara. Paling gemuruh, seluruh rakyat Malaysia bersemangat menyanyikan lagu *Negeraku* sejurus kemenangan atlet

negara. Baru-baru ini, kita dapat menyaksikan bagaimana 83,000 rakyat Malaysia berhimpun dan bersatu teguh di Stadium Nasional Bukit Jalil, Kuala Lumpur menyokong pasukan bola sepak Malaysia menentang Myanmar dalam perlawanan Kumpulan A, Piala Persekutuan Bola Sepak ASEAN.


Momen perpaduan di negara seperti itu tidak boleh diketepikan begitu sahaja. Ia perlu dirai, ditonjol dan diperbanyak agar rakyat Malaysia tahu bahawa mereka sebenarnya boleh hidup bersama secara harmoni dan berkongsi kegembiraan. Janganlah disebabkan satu insiden kekecohan, kita mahu menggadaikan keamanan dan keharmonian yang kita pertahankan selama ini. Tidak dinafikan, banyak negara luar kagum melihat bagaimana kita mengurus kepelbagaian. Justeru, slogan *Truly Asia* sebenarnya sangat tepat diberikan kepada Malaysia kerana kita berjaya mengurus kepelbagaian etnik yang tidak dimiliki oleh negara lain.

Kejayaan Malaysia banyak bergantung kepada usaha kita memupuk perpaduan nasional. Malah, dasar-dasar yang diperkenalkan oleh kerajaan selama ini bermatlamatkan perpaduan. Ini boleh kita lihat dalam Dasar Ekonomi Baru, Dasar Wanita Negara, Falsafah Pendidikan Negara dan Wawasan 2020. Marilah sama-sama kita menjayakan Muafakat Malaysia. Ini bukan tanggungjawab kerajaan atau pemimpin negara, ia tanggungjawab kita semua.

● Penulis merupakan Prof. Madya di Jabatan Pengajian Kenegaraan dan Ketamadunan, Fakulti Ekologi Manusia, Universiti Putra Malaysia.

Rakyat
Malaysia tahu bahawa mereka sebenarnya boleh hidup bersama secara harmoni dan berkongsi kegembiraan.

KEHEBATAN SEKEPING FOTO



OMBAK besar dirakam menghempas sebuah jeti di Ploemeur, barat Perancis kelmarin.

AFP